

18 JAN 2001

Umno-Perjumpaan

UMNO ANJUR PROGRAM "BERTANYA KHABAR" UNTUK ERATKAN HUBUNGAN

KUALA LUMPUR, 18 Jan (Bernama) -- Umno menyediakan satu program dikenali sebagai "Bertanya Khabar" untuk memberi peluang kepada pemimpin pertengahan dan bawahan parti itu mendapat penjelasan tentang isu-isu semasa terus daripada Presiden dan anggota Majlis Tertinggi parti.

Setiausaha Agung Umno Tan Sri Khalil Yaakob berkata parti itu sedang menyusun program yang akan membolehkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku presiden parti melawat ke bahagian-bahagian dan berjumpa anggota cawangan di bahagian itu.

"Kita sedang menyelaraskan program lawatan yang dijangka bermula dalam masa yang singkat ini. Beberapa Bahagian telahpun dikenal pasti," katanya kepada pemberita selepas mengadakan dialog secara langsung menerusi Internet hari ini.

Dialog itu dibuka kepada rakyat Malaysia untuk mengemukakan soalan secara langsung kepada Khalil dan terus mendapat jawapannya.

Pada sesi hari ini yang berlangsung selama 40 minit, Khalil sempat menjawab 12 soalan yang majoritinya lebih menyentuh isu-isu berkenaan politik Umno.

Khalil berkata program "Bertanya Khabar" itu penting bagi membolehkan anggota parti mengenali siapa pemimpin mereka dari peringkat cawangan hinggalah ke peringkat paling atas.

"Pemimpin-pemimpin peringkat cawangan akan berasa mereka juga diberi perhatian dan dengan itu tidak akan timbul masalah cawangan tidak aktif," katanya.

Beliau juga berkata Lembaga Displin Umno yang baru ditubuhkan dan diketuai oleh Tengku Ahmad Rithaudeen, akan dianggotai oleh 12 "orang lama" Umno.

"Mereka (anggota lembaga) telahpun memberi persetujuan dan nama mereka akan diumumkan pada Mesyuarat Tertinggi Umno di Melaka Isnin ini," katanya.

Terdahulu, ketika berinteraksi dalam Internet, Khalil berkata ketua cawangan Umno tidak berhak menolak permohonan atau pembayaran yuran oleh anggota parti.

Ditanya kenapa Umno pusat membiarkan sesetengah cawangan Umno "duduk diam dan pasif", beliau berkata ibu pejabat parti telah mengadakan borang yang dapat memberi maklumat balas mengenai perkembangan sesuatu cawangan dan borang tersebut diisi oleh Umno bahagian.

"Saya tak kata mereka (cawangan-cawangan ini) ini tidur tapi tak aktif...sesetengah cawangan itu aktif hanya apabila ada pemilihan tapi kita hendakkan setiap cawangan mengadakan aktiviti sepanjang tahun," katanya.

Menjawab soalan lain, Khalil berkata Umno tidak mempunyai agenda khusus kecuali membincangkan perpaduan Melayu dalam pertemuannya dengan Pas tidak lama lagi.

"Tidak ada tambahan dari itu," katanya.

Di PULAU PINANG, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata Umno bersedia pada bila-bila masa sahaja untuk hadir pada pertemuan bagi membincangkan agenda penyatuan Melayu dengan Pas.

Abdullah yang juga Timbalan Presiden Umno berkata setakat ini urusan mengenai perkara itu hanya terhad kepada hubungan antara Khalil dan Setiausaha Agung PAS, Nasaruddin Mat Isa.

Bercakap kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Badan Perhubungan Umno Negeri di sini hari ini, beliau berkata maklumat balas dari Pas tentang perbincangan itu adalah baik.

-- BERNAMA
SR NZ SA MAI